

30 AUG 1999

Kebangsaan-China

PEMIMPIN CHINA UCAP TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Presiden China Jiang Zemin hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sempena ulang tahun Hari Kebangsaan ke-42 esok.

Beliau berkata 25 tahun telah berlalu sejak China dan Malaysia menjalin hubungan diplomatik dengan mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang.

China bersedia menjalankan usaha bersama dengan Malaysia bagi menjalin hubungan yang berkekalan dan menjadi rakan yang baik, kata Jiang dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Kedutaan Besar China di sini.

"Sejak 42 tahun lepas, rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum telah menunjukkan kebijaksanaan dengan mencapai kejayaan membangunkan negara dan ini amat dikagumi oleh rakyat China," kata beliau.

Perdana Menteri China Zhu Rongji dalam perutusan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia telah mencapai kejayaan besar dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Zhu melahirkan keyakinan bahawa hasil lawatan Dr Mahathir ke China, semua kerjasama persahabatan yang menjurus ke arah alaf baru antara kedua-dua negara akan mencapai kejayaan dan berhasil.

Dalam perutusan kepada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Luar China Tang Jiaxuan berkata beliau bersedia untuk memperkukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua pihak.

Sementara itu, setiausaha agung DAP Lim Kit Siang berkata dalam satu kenyataan bahawa perpaduan yang diperlukan ialah perpaduan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum hasil daripada ikatan bersama dan mtlamatkan untuk bersatu dan mewujudkan masyarakat yang adil, bebas dan makmur.

Majlis Perundingan Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh dalam satu kenyataan menghargai keutamaan yang diberikan oleh para pemimpin negara bagi keharmonian antara kaum.

Presidennya A.Vaithilingam berkata majlis percaya bahawa kepimpinan negara akan menjamin kebebasan beragama seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Majlis menggesa semua rakyat Malaysia supaya mendoakan semoga Tuhan memelihara kemakmuran dan keharmonian yang berkekalan bagi negara Malaysia yang tercinta," kata beliau.

-- BERNAMA

MAM FAZ